

PROGRAM JIWA MURNI PUSAT SIMULATOR PEJUANG PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3284-program-jiwa-murni-pusat-simulator-pejuang-pangkalan-udara-butterworth

SUNGAI SIPUT, 1 Apr 18 – Pusat Simulator Pejuang (PSP), Pangkalan Udara Butterworth telah menjayakan Program Jiwa Murni di Perkampungan Orang Asli Landap di Sungai Siput pada 31 Mac 18 hingga 01 Apr 18. Program Jiwa Murni yang dilaksanakan oleh Pusat Simulator Pejuang ini adalah sebagai salah satu aktiviti tahunan. Program ini berjaya mengeratkan hubungan silaturrahim diantara pihak tentera, orang awam dan juga orang asli sendiri serta pelaksanaan program NBOS diperingkat unit berjaya dijalankan. Aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut adalah gotong royong pembersihan kawasan surau, sumbangan pakaian terpakai dan juga sumbangan beras kepada orang Asli Landap. Sepanjang aktiviti ini dijalankan sumber tenaga elektrik adalah dibekalkan menggunakan ZEC iaitu satu alat yang dibangunkan sendiri oleh Pusat Simulator Pejuang (PSP).

